

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	5 JUNE 2016

Dasar kerajaan tepati kehendak Islam – Najib

PEKAN 4 Jun - Dasar yang menepati kehendak Islam seperti prinsip wasatiyyah, berimbang dan tidak keterlaluan yang diamalkan di negara ini berjaya mewujudkan persekitaran harmoni serta selamat untuk kesejahteraan rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pendekatan itu juga membolehkan pucuk kepimpinan negara diterima rakyat sama ada orang Islam mahupun masyarakat bukan Islam.

Katanya, suasana aman dan harmoni yang dinikmati negara pada ketika ini tidak berlaku secara kebetulan, sebaliknya rakyat membuat pilihan kepimpinan tepat yang mengamalkan dasar menepati kehendak Islam sebenarnya.

“Kita dapat lihat di negara-negara Islam yang lain kebanyakannya berada dalam keadaan di mana umat Islam begitu terancam dan tertekan keselamatannya. Baru-baru ini kita terima kumpulan kedua pelarian dari Syria yang kita sebagai sebuah negara mampu menawarkan 3,000 tempat untuk mereka berlindung di negara kita.

“Kita mendengar cerita daripada mereka, memang cerita itu mengerikan, apa yang terpaksa dihadapi dan dilalui oleh mereka. Semua itu sebagai peringatan ke-



NAJIB TUN RAZAK menyampaikan sumbangan dalam majlis penyerahan sumbangan Ramadan kepada masjid dan surau dalam Parlimen Pekan di Masjid Kampung Pulau Serai, Pekan, semalam. - MINGGUAN/MAHATHIR ALI

pada kita, apabila Allah suruh kita taat pada Allah, taat pada Rasul dan Ulul Amri dalam kalangan kita, maka itulah antara prinsip dalam Islam yang mana soal

pemerintahan dan kepimpinan tidak boleh dipisahkan.

“Kalau kita meletakkan orang yang tak kena pada tempatnya dan akhirnya berlaku pergola

kan kerana kegagalan kepimpinan, maka kita semua akan menerima kemudaratanya seperti mana kita lihat saudara-saudara kita dari Syria,” katanya ketika

berucap dalam Majlis Penyerahan Sumbangan Ramadan Untuk Masjid dan Surau Dalam Parlimen Pekan di Masjid Pulau Serai di sini hari ini.

Yang hadir sama, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang, Datuk Seri Ishak Muhamad; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Manis, Datuk Khairuddin Mahmud; ADUN Peramu Jaya, Datuk Seri Sh. Mohmed Puzi Sh. Ali dan ADUN Bebar, Datuk Mohammad Fakhruddin Mohd. Ariff.

Dalam majlis itu, sebanyak 60 buah masjid dalam Parlimen Pekan memperoleh sumbangan sebanyak RM1,200 setiap satu manakala 166 buah surau menerima sumbangan sebanyak RM800 selain barangan keperluan lebih seperti buah kurma, gula, kopi, susu dan Milo.

Najib berkata, apabila keharmonian dan keselamatan negara terjamin, rakyat terutama yang beragama Islam mudah serta selesa untuk menjalankan ibadat termasuk dalam bulan Ramadan ini.

Mengenai sumbangan hari ini, Perdana Menteri berkata, beliau tidak mahu lari daripada tradisi dan tanggungjawab untuk memberi sumbangan itu melalui tangannya sendiri walaupun sibuk dengan pelbagai urusan.

Dalam ucapannya, beliau turut mengumumkan pembinaan empat buah masjid baharu untuk setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) di kawasan Parlimen itu.